

SUDAHKAH ANDA MENULIS WASIAT?

Ramai dalam kalangan anda tentu menganggap menulis wasiat adalah perkara yang tidak begitu penting dalam menguruskan perancangan harta di masa hadapan. Maka, tidak hairanlah dilaporkan ramai orang Islam tidak membuat persiapan menulis wasiat kerana beranggapan urusan harta diletakkan di bawah faraid sahaja. Penulisan wasiat seharusnya perlu dilakukan mulai dari sekarang iaitu semasa hayat anda masih ada dan semasa tubuh anda masih sihat. Jangan mengambil sikap tunggu dan lihat orang lain buat atau tangguh untuk beberapa waktu. Ia kelak boleh merugikan anda sendiri.

Ada yang mendakwa bahawa mereka tidak mempunyai harta yang hendak diwasiatkan. Harta yang ada berupa sebuah kereta dan sebuah rumah dianggap hanya hal yang kecil dan remeh untuk difikirkan. Sebagai seorang yang bertanggungjawab dan selagi anda mempunyai hutang, anda mestilah menyediakan satu penulisan berbentuk pesanan untuk waris anda menjelaskan hutang yang bakal ditinggalkan.

Kecenderungan masyarakat kini pula yang sibuk mengumpul kekayaan buat diri dan ahli keluarga seringkali menimbulkan polemik bila mana si pemilik harta meninggal dunia tanpa membuat apa-apa persediaan ke atas harta-harta mereka. Acapkali berlaku pergeseran di kalangan ahli keluarga terutama yang membabitkan harta pusaka. Kesannya, ikatan silaturrahim yang terbina selama bertahun-tahun lamanya terlerai oleh sebab perebutan harta di kalangan mereka. Lebih buruk dari itu, hubungan ibu bapa dan anak-anak terputus begitu sahaja kerana sikap tamak haloba dan dendam kesumat di dalam diri anggota keluarga. Oleh kerana itu, persediaan mengurus harta secara bijaksana perlu dilakukan bagi mengelakkan pergeseran di kalangan ahli keluarga dan kaum kerabat.

Namun, tidak kurang juga, terdapat umat Islam yang tidak memahami konsep wasiat dan pelaksanaannya mengikut hukum syarak. Ada yang berpendapat wasiat boleh dibuat kepada sesiapa sahaja termasuk di kalangan ahli waris dengan tujuan harta tersebut tidak mengalir kepada waris yang tidak diingininya atau hanya waris tertentu sahaja berhak mewarisi harta.

APA ITU WASIAT?

Wasiat telah lama diamalkan dalam tamadun manusia. Dalam masyarakat Rome dahulu, ketua keluarga mempunyai kuasa ke atas harta dengan cara wasiat memberikan harta kepada sesiapa sahaja dan menghalang anaknya daripada menjadi pewaris. Manakala dalam masyarakat Arab Jahiliah pula mereka membuat wasiat sebagai satu kebanggaan dan membiarkan kerabat dalam kefakiran. Islam telah

memperbetulkan keadaan tersebut dengan meletakkan asas kebenaran dan keadilan dalam membuat wasiat.

Pada permulaan Islam, berwasiat adalah suatu kewajipan untuk ibu bapa dan kaum kerabat yang terdekat berdasarkan Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Diwajibkan ke atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiatlah untuk ibu-bapa dan kaum kerabatnya secara ma'ruf (ini adalah) kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa".

(Surah Al-Baqarah:180)

Kemudian, kewajipan berwasiat telah dimansuhkan hukumnya apabila turunnya ayat mawarith dalam surah Al-Nisa, iaitu yang menerangkan hak-hak dan pembahagian pusaka melalui hukum faraid contohnya melalui ayat yang bermaksud: "Bagi orang laki-laki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bahagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan".

(Surah Al-Nisa': 7)

Manakala Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda yang bermaksud: "Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Melalui hadis di atas, jelas menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. amat menggalakkan wasiat dibuat bila mana telah terlintas di hati untuk membuat sesuatu wasiat.

KAEDAH BERWASIAT

Wasiat merupakan dokumen penyelesaian pusaka berbentuk arahan kepada Wasiat untuk menyempurnakan segala hasrat pewasiat termasuklah melaksanakan segala strategi perancangan dan pengagihan harta selepas kematian. Ia mempunyai syarat-syarat tertentu iaitu wasiat kepada bukan waris dan ahli waris yang terlindung daripada menerima harta pusaka melalui faraid. Hanya satu pertiga (1/3) daripada baki harta selepas ditolak segala hutang yang masih belum diselesaikan boleh diwasiatkan. Manakala dua pertiga (2/3) daripada harta pewasiat adalah merupakan hak ahli waris menurut Hukum Faraid. Pewasiat boleh mewasiatkan hartanya melebihi satu pertiga (1/3) sekiranya semua ahli waris bersetuju dengan pembahagian tersebut selepas kematian pewasiat. Pewasiat juga boleh mewasiatkan hartanya kepada ahli

waris yang layak ma faraid sekiranya dipersetujui oleh ahli-ahli waris yang lain selepas kematian pewasiat.

Ia sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain."

(Riwayat Abu Daud)

Kemudian, kewajipan berwasiat telah dimansuhkan hukumnya apabila turunnya ayat mawarith dalam surah Al-Nisa, iaitu yang menerangkan hak-hak dan pembahagian pusaka melalui hukum faraid contohnya melalui ayat yang bermaksud: "Bagi orang laki-laki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bahagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan".

(Surah Al-Nisa': 7)

Manakala Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda yang bermaksud: "Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Melalui hadis di atas, jelas menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. amat menggalakkan wasiat dibuat bila mana telah terlintas di hati untuk membuat sesuatu wasiat.

SIAPA YANG LAYAK BUAT WASIAT?

Semua umat Islam layak membuat wasiat asalkan anda berumur lebih 18 tahun, sempurna akal, sukarela dan tidak dipaksa, tidak dihalang mengurus hartanya dan jika pewasiat sedang sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik ingatan dan memahami wasiat dibuat. Dari segi harta yang boleh diwasiatkan adalah harta alih seperti kenderaan, wang tunai, wang simpanan, barang kemas, saham, insurans, hutang dan lain-lain dan harta tak alih seperti rumah, tanah, bangunan dan lain-lain.

Jika anda orang yang berharta, orang yang lanjut usia, orang yang tidak berkahwin, orang yang mempunyai anak angkat, orang yang berhutang, orang yang tiada waris dan muallaf adalah sangat digalakkan membuat wasiat. Bermakna semua kita adalah digalakkan membuat wasiat.

KENAPA WASIAT ITU PENTING?

Berwasiat merupakan suatu tindakan mulia untuk menzahirkan keinginan pewasiat terhadap pembahagian harta yang dikumpul semasa hidup. Perwarisan harta yang dirancang melalui wasiat dapat diagihkan untuk tujuan kebajikan dan kepada keluarga yang tersayang selepas kematian. Menulis wasiat adalah sangat berfaedah kerana pelantikan wasi melalui dokumen wasiat akan memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian. Pelantikan penjaga yang dipercayai melalui wasiat akan menjamin kebajikan anak-anak di bawah umur selepas kematian anda. Pada masa yang sama, ia juga akan mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh waris-waris yang ditinggalkan.

Dari segi undang-undang, di bawah Seksyen 10.(3),(a),(iii) Enakmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah 1998, "Perbadanan adalah berkuasa mengurus hal ehwal yang berhubung dengan pengurusan Wakaf dan Wasiat ."

Menepati hasrat peruntukan di atas, maka PBNS telah memperluaskan fungsinya untuk menerima permohonan wasiat dan melaksanakan wasiat daripada seluruh umat Islam di negeri Sabah.